

05 JUL 1997

Gerakan-rombak

GERAKAN DIROMBAK ELAK PERPECAHAN

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Parti Gerakan Rakyat Malaysia akan membuat rombakan besar dan perubahan drastik dalam perlembagaannya untuk mengelak perebutan kuasa dan perpecahan, kata presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Beliau berkata perubahan itu antara lainnya akan mensyaratkan seseorang anggota hanya boleh bertanding atau mengundi dalam pemilihan parti selepas dia menjadi anggota selama dua tahun.

"Ini untuk mengelakkan amalan memperalatkan anggota-anggota baru dalam perebutan kuasa di dalam parti," kata beliau pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) Gerakan di ibu pejabat parti itu di sini.

Lim bagaimanapun berkata hanya Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC), badan eksekutif parti itu, yang boleh memutuskan sama ada seseorang anggota yang belum cukup tempoh boleh bertanding atau mengundi dalam pemilihan parti.

CC juga memutuskan bahawa jawatan Setiausaha Agung dan Bendahari parti akan diisi menerusi pelantikan dan bukannya dipilih seperti yang diamalkan sekarang.

Mengikut pindaan perlembagaan itu, Presiden parti akan melantik Setiausaha Agung dan Bendahari daripada kalangan anggota CC dengan kelulusan CC.

Pindaan itu akan dibentangkan pada persidangan perwakilan parti itu pada 16 dan 17 Ogos ini. Ia dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lim berkata Gerakan juga akan mempunyai tiga Timbalan Setiausaha Agung berbanding seorang sekarang.

Bagaimanapun di peringkat negeri, tidak ada sebarang perubahan dalam proses pemilihan pengerusi negeri walaupun tempoh perkhidmatan mereka akan dilanjutkan dari dua tahun kepada tiga tahun. Dengan itu, pemilihan peringkat negeri dan kebangsaan akan dilangsungkan pada tahun yang sama.

"Pemilihan peringkat cawangan dan bahagian tetap akan diadakan setiap dua tahun seperti yang diamalkan sekarang," katanya.

Lim berkata kuasa untuk memilih calon-calon parti untuk pilihan raya akan dipindahkan daripada CC kepada CWC.

Mengenai hasrat beliau untuk melepaskan jawatan dalam Kabinet, Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama, berkata beliau telah mengarahkan CC supaya menilai cadangannya itu.

Mengenai soalan sama ada beliau akan bersara, Lim berkata ia bergantung kepada keputusannya pada masa depan.

"Keputusan sama ada saya akan meneruskan khidmat saya atau tidak bergantung kepada penilaian saya mengenai keadaan parti," kata beliau. --

BERNAMA

ES MZ MAI